

NEWSLETTER VOL 19



01/09/2024 (AHAD)

1. SESI GO-LIVE KEDUA BAGI NAIKTARAF EPBT 3.0 BERSAMA MDL & MDKT



Sesi go-live telah berjalan selama 3 hari di Majlis Daerah Labis dan Majlis Daerah Kota Tinggi. Sesi ini bermula dari 1/9/2024 sehingga 3/9/2024 adalah bertujuan untuk memberi sokongan kepada PBT bagi menjalankan sistem ePBT yang telah dinaiktaraf kepada ePBT 3.0 bagi Modul Hasil. Sesi ini juga telah dilaksanakan oleh beberapa wakil CTSB iaitu Inshirah, Amirah, Fadhzillah, Khalis, Zawannah, Fika Manaf dan Aina.

2. MESYUARAT BERSAMA TAJDID CORPORATION TERENGGANU 02/09/2024 (ISNIN)



Pada 2/9/2024, CTSB mengadakan satu sesi pembentangan di pejabat TAJDID Corp mengenai kerjasama strategik untuk pendigitalan agensi kerajaan PBT menuju bandar pintar. Ia dihadiri oleh CTSB termasuk CEO, CTO, dan rakan dari TMOne, En. Affendy, manakala pihak TAJDID dipengerusikan oleh Tuan Hj. Azih dengan wakil Encik Hadi, Encik Zarif, dan Puan Nurul. Perbincangan menekankan kepentingan data berintegriti dalam "Smart Governance." Sesi ini menjadi platform bagi CTSB menjalankan bekerjasama dengan kerajaan negeri Terengganu dalam memacu pertumbuhan ekonomi dan pembangunan masyarakat digital berasaskan teknologi dan 4IR.

02/09/2024 (ISNIN)

3. SESI KEMASUKAN DATA KENDIRI OLEH MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

Latihan Sistem ePBT 3.0 bagi semua Modul Kewangan dan Modul Hasil termasuk Modul Tambahan telah dijalankan bermula 18/08/2024 sehingga 28/08/2024. Jadi, pengujian sendiri ini telah dilaksanakan dari 02/09/2024 sehingga 30/09/2024. Ia bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pegawai supaya mahir dalam penggunaan sistem tersebut, serta meningkatkan kefahaman dan kecekapan dalam melaksanakan tugas berkaitan.



4. MAJLIS SAMBUTAN HARI LAHIR YB SALIKON

02/09/2024 (ISNIN)



Majlis sambutan hari lahir YB Salikon iaitu antara salah satu Lembaga pengarah syarikat telah diadakan pada hari isnin 2 Sept 2024. Semua staf di cawangan Johor Bahru turut serta hadir bagi memeriahkan acara dan menunjukkan penghargaan kepada ahli lembaga pengarah atas kepimpinan beliau. Beliau turut mengucapkan ribuan terima kasih kepada setiap ahli pasukan yang telah memberikan komitmen dan dedikasi yang tinggi sepanjang berkhidmat di syarikat ini.

Kami berharap semangat kesatuan dan sokongan yang ditunjukkan dalam acara ini akan terus kekal kukuh dan menjadi sumber inspirasi untuk kejayaan masa depan CTSB. Semoga syarikat CTSB terus maju dan berkembang bersama-sama dengan matlamat besar syarikat.

03/09/2024 (SELASA)

5. SESI PENGUJIAN UAT MODUL PENDAHULUAN BAGI MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG (MBDK)



Sesi UAT Pendahuluan bagi Majlis Bandaraya DiRaja Klang telah dijalankan selama 1 hari iaitu pada 3/9/2024. Sesi ini telah dihadiri oleh pegawai MBDK termasuk pengguna jabatan dan Jabatan Teknologi Maklumat. Sesi ini telah dijalankan di MBDK dan telah dilaksanakan oleh 3 orang wakil CTSB iaitu Habibah, Syahirah, dan Rahimie.

10/09/2024 (SELASA)

6. SESI FOCUS GROUP DISCUSSION (FGD) BAGI PINDAH MILIK ONLINE MBIP



Satu sesi FGD telah dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Iskandar Puteri bagi membincangkan dengan lebih lanjut mengenai sistem Pindah Milik Online yang dalam proses pembangunan. Ia bertujuan untuk membincangkan dan menetapkan proses kerja di MBIP untuk dilaksanakan di dalam sistem. Sesi perbincangan ini telah dihadiri oleh Jabatan Penilaian, Teknologi Maklumat, dan Kewangan MBIP. Ia juga telah dihadiri oleh 3 orang wakil CTSB iaitu Fadhzillah, Siti dan Hana.

7. CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY (CSR) TEAM KUANTAN BERSAMA MAJLIS BANDARAYA KUANTAN (MBK)

22/09/2024 (AHAD)

Acara CSR telah dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Kuantan pada 22/9/2024 dan telah disertai oleh team Kuantan CTSB iaitu Suhaib, Khori, Izzuddin dan Rafidah. Acara CSR ini dinamakan sebagai Longest Coastal Clean-up sempena sambutan World Clean Up Day 2-24. Ia adalah berkaitan dengan pembersihan pantai di Pantai Chendor hingga Pantai Cherok Paloh.



8. SESI LATIHAN NAIKTARAF MODUL HASIL SISTEM EPBT 3.0 BAGI 3 PBT


22/09/2024 (AHAD)



Sesi Latihan bersama 3 PBT iaitu Majlis Daerah Mersing, Majlis Daerah Simpang Renggam dan Majlis Daerah Yong Peng telah dijalankan di Bilik Latihan Tingkat 8, Menara MSC pada 22/9/2024 sehingga 25/9/2024. Sesi Latihan ini adalah bertujuan untuk memberikan pengetahuan tentang penambahbaikan yang telah dinaiktaraf di dalam Modul Hasil Sistem e-PBT 3.0.

9. MESYUARAT PERBINCANGAN PENAMBAHBAIKAN MODUL LESEN MBBB

23/09/2024 (ISNIN)



Perbincangan telah diadakan oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru untuk membincangkan tentang penambahbaikan bagi Modul Lesen MBBB. Ia telah dihadiri oleh wakil Jabatan Teknologi Maklumat dan Jabatan Pelesenan MBBB. Ia telah disertai oleh 3 orang wakil CTSB iaitu Puan Arina, Hana dan Engku Izwan.

10. KUNJUNGAN DARIPADA MALAYSIAN TECHNOLOGY DEVELOPMENT CORPORATION (MTDC)

23/09/2024 (ISNIN)

Kunjungan daripada Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) di MSC Cyberport, yang membuka peluang untuk perbincangan mengenai kerjasama masa depan dalam meningkatkan inovasi digital dan menyokong ekosistem teknologi di Johor. Kerjasama ini membentuk asas kukuh bagi inisiatif masa depan yang akan memajukan landskap teknologi. Kami menghargai penglibatan MTDC dalam lawatan ini.



11. 10TH ANNUAL CONFERENCE SMART CITIES ASIA 2024

25/09/2024 (RABU)

Smart Cities Asia Conference 2024 telah diadakan di Connexion@Nexus, Bangsar South selama 2 hari iaitu dari 24/9/2024 sehingga 25/9/2024. Puan Arina selaku Ketua Pegawai Teknologi CTSB telah menjadi salah seorang panel yang telah menceritakan dan membincangkan tentang Managing Smart City Governance pada 25/9/2024 di conference ini. Turut menyertai semasa conference tersebut adalah Amanda Tan.



12. PERBINCANGAN PEMBANGUNAN INTEGRATED HALAL DASHBOARD PLATFORM

25/09/2024 (RABU)



Pada 24/9/2024 sehingga 25/9/2024 telah diadakan perbincangan dua hala tentang "Integrated Halal Dashboard Platform." Fokus hari pertama adalah kepada perbincangan teknikal, manakala hari kedua melibatkan sesi High-Level bersama TransTrack dari Jakarta, Perbadanan Islam Johor, dan CTSB. Objektifnya adalah untuk menjadikan Johor sebagai hub halal di Malaysia melalui sistem penjejakan halal yang berintegrasi. CTSB akan membangunkan sistem ini bersama PIJ dan TransTrack, dengan harapan untuk diterapkan di peringkat nasional dan global. Kerjasama ini dijangka memberi impak positif dalam pendigitalan industri halal di Malaysia.

13. REVIEW EMPLOYEE HANDBOOK AND FWA POLICY

26/09/2024 (KHAMIS)



Sesi ini telah diadakan di Bilik Latihan, Tingkat 8 dan ia melibatkan kehadiran semua staf CTSB dan MSC dari semua cawangan. Dalam sesi ini, perunding yang telah dilantik telah dijemput bagi menjelaskan tentang polisi baru dalam Employee Handbook dan juga Flexible Working Arrangements. Penjelasan ini bertujuan memastikan setiap staf memahami panduan kerja serta pilihan kerja fleksibel yang baru dalam organisasi ini.